

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' SRI WEE JECK SENG
[TANJONG PIAI]

TARIKH : 15 NOVEMBER 2016 (SELASA)

SOALAN :

Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian akan melaksanakan sistem pampasan bagi pengguna pengangkutan awam seperti yang dilaksanakan di UK dan Jepun bagi pengangkutan yang tidak menepati jadual sebagai langkah memastikan kecekapan perkhidmatan dan mendorong kepada pengurusan LRT dan MRT untuk menaik taraf perkhidmatan.

JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini operasi LRT dan Monorel KL dikendalikan oleh Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana).
2. Polisi yang diamalkan oleh Prasarana adalah sekiranya berlaku kelewatan yang melebihi 15 minit, pengguna mempunyai hak untuk membatalkan perjalanan mereka dan menuntut kembali tambang yang telah dibayar dengan mendapatkan kupon satu perjalanan ke mana-mana destinasi sebagai tiket ganti. Kupon tersebut sah penggunaannya dalam masa 5 hari.
3. Polisi yang sama juga akan digunapakai untuk laluan MRT yang dijangka akan mula beroperasi pada hujung tahun 2016 dan juga bakal dikendalikan oleh Prasarana.

Sekian, terima kasih.